

UNTUK KEKAL AKTIF

Tempah profesional penjagaan kesihatan secara dalam talian menerusi BookDoc Activ

REVIU APP

Wan Nur Ameera
Meor Rozman
it@hmetro.com.my

Dengan kekal aktif, anda bukan saja dapat menjaga kesihatan diri, malah berupaya menerima ganjaran sekiranya menggunakan aplikasi

BookDoc Activ.

Boleh di sync bersama aplikasi jejak dan peranti boleh pakai seperti Apple Health, S Health, Fitbit dan Jawbone, BookDoc akan menawarkan pelbagai ganjaran kepada pengguna termasuk diskaun hebat daripada rakan kerjasamanya seperti Secret Recipe, Focus Point dan Happy Fresh.

Selain menggalakkan pengguna untuk kekal aktif, BookDoc Activ juga membolehkan anda untuk mencari dan menempah profesional penjagaan kesihatan secara dalam talian dengan serta-merta untuk datang ke kediaman mahupun lokasi anda.

Melalui BookDoc Activ, anda boleh mendapatkan khidmat daripada pakar perubatan merangkumi doktor gigi, pakar fisioterapi, pakar tulang, pengamal perubatan tradisional Cina dan lain-lain secara percuma.

Menerima sokongan daripada Kementerian

Pelancongan, BookDoc Activ adalah platform bersepadu yang tepat bagi pelancong asing yang amat menitikberatkan aspek kesihatan dan mereka boleh mendapatkan khidmat perundingan dari dalam serta luar negara.

Kini BookDoc turut beroperasi di Singapura, Hong Kong, Thailand dan antara rakan strategiknya adalah AirAsia, Perkeso (Perkeso Malaysia), Tourism Malaysia, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia, IJN, SJMC, Health Town, Asia Medicare, Singapore Medical Group dan Pacific Healthcare.

LAMAN UTAMA




PLATFORM PENJAGAAN KESIHATAN TERKEMUKA DI ASIA TENGGARA



CARI DAN TEMPAH PROFESIONAL PENJAGAAN KESIHATAN



NAVIGASI BERSEPADU PENGANGKUTAN UDARA/DARAT



TEMPAH TEMPAT TINGGAL

